

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN

TARIKH 3 BULAN 5 TAHUN 2024

SH 3/5/2024 mls 5.

Pengumuman awal kenaikan gaji beri kelebihan kepada kerajaan

SHAH ALAM - Perincian mengenai kenaikan gaji penjawat awam perlu dibentangkan dalam Belanjawan 2025 kerana ia merupakan prosedur sebelum dapat dilaksanakan walaupun perkara itu telah diumumkan awal.

Penganalisis politik yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain berkata, dari aspek politik, pengumuman awal itu akan memberi kelebihan kepada kerajaan.

"Ia suatu proses biasa kerana perlu melalui pembentangan bajet untuk diluluskan sebelum dapat dibuat lebih-lebih lagi pelaksanaan ini perlu diperhalusi agar benar-benar berkesan.

"Dari aspek politik, ia memberi kelebihan kepada kerajaan kerana rakyat menunggu dan memberi keyakinan malah golongan ini juga akan memberi sokongan bagi memastikan pelaksanaan ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Rabu, Anwar mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam lebih 13 peratus bermula Disember ini, antara tertinggi dan terbaik dalam sejarah negara dan kenaikan itu melibatkan peruntukan lebih RM10 bilion.

Sementara itu, penganalisis Politik dan Media Sosial Universiti Teknologi Mara (UiTM), Profesor Madya Dr Sara Chinnasamy berkata, kenaikan gaji itu dijangka dapat dilaksanakan berikutan kerajaan tidak akan tumbang se-



MOHD IZANI



SARA CHINNASAMY

hingga pilihan raya umum akan datang.

Malah katanya, selagi Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim tidak memperkenankan permintaan mengenai pembubaran Parlimen, golongan penjawat awam masih boleh berharap agar ia terlaksana.

"Saya rasa pengumuman kenaikan gaji ini tepat pada masanya. Ini kerana banyak kali pengumuman atau usul telah dibuat tetapi implementasinya kita masih tidak dapat berhubung perkara ini.

"Selain itu, ia juga satu langkah terbaik dan sesuai dengan keadaan sekarang yang mana berlaku peningkatan kos barangan dan sara hidup.

"Usul kenaikan ini juga sudah lama dibangkitkan. Saya rasa kali ini ia benar-benar dapat dilaksanakan kerana kerajaan dijangka tidak akan tumbang kerana bukan berada di penghujung pemerintahan seperti kerajaan sebelum ini," ujarnya.